

# Doa Kesyukuran Sempena Penggunaan Surau Baru Jamuan Berbuka Puasa Sekolah Sains Dan Teknologi



Dekan dan beberapa staff SST

Pada 3 September 2010, satu majlis doa kesyukuran sempena penggunaan surau baru SST di Aras Bawah, Blok B Bangunan Pentadbiran SST telah diadakan. Surau baru ini dibina untuk keselesaan kakitangan dan pelajar menunaikan solat kerana surau lama selalu mengalami masalah kebocoran siling. Majlis ini dihadiri oleh Dekan SST, Prof. Dr Mohd Harun Abdullah, Timbalan-Timbalan Dekan, para pensyarah dan kakitangan yang lain. Majlis kesyukuran juga disambut sempena kepulangan balik Dekan SST dari menunaikan ibadah umrah.

Majlis diikuti dengan acara berbuka puasa bersama-sama di Kantin SST yang mana juga dihadiri oleh kakitangan akademik dan bukan akademik. Majlis ini juga diserikan dengan kehadiran TNC (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr Amran Ahmed.



Artikel oleh: Dr Saafie Salleh